

ANTARA DAPATAN KAJIAN: Warga tua dengan kognitif normal yang hilang pendengaran adalah 2.3 kali lebih berkemungkinan menghidap masalah kognitif sederhana atau demensia. – Foto fail



Warga senja yang hilang pendengaran lebih berisiko demensia

WARGA senja berusia 55 tahun ke atas yang hilang pendengaran lebih berkemungkinan menghidap demensia, menurut satu dapatan kajian ke atas warga Singapura.

Memandangkan lebih daripada 60 peratus warga Singapura berusia 60 tahun ke atas mengalami sedikit masalah hilang pendengaran, dapatan tersebut boleh dianggap penting, apatah lagi hilang pendengaran boleh menandakan satu isyarat meningkatkan kemungkinan menghidap demensia.

Justeru, pengesanan dan rawatan awal bagi hilang pendengaran berpotensi melengahkan berlakunya demensia selain menjejaskan kognitif seseorang.

Hasilnya konsisten dengan dapatan yang dijalankan dalam kalangan penduduk barat – seperti di Amerika Syarikat, Britain dan Australia – mengukuhkan lagi bukti hubungan yang mungkin ada kaitan antara hilang pendengaran dengan kognitif yang berkurangan atau demensia.

Dapatan tersebut dijalankan dengan menganalisa data daripada Kajian Penuaan Berulang Singapura.

Ini dinyatakan NUS dan Hospital Besar Ng Teng Fong dalam satu kenyataan bersama kelmarin.

Ia merupakan kajian jangka panjang berdasarkan penduduk yang meninjau penuaan dan kesihatan masyarakat warga senja Singapura, yang dipimpin Profesor Madya Ng Tze Pin, daripada Jabatan Perubatan Psikologikal di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

Dapatan yang diterbitkan pada 2017 melibatkan 1,515 warga Singapura berusia 55 tahun ke atas, yang mempunyai memori normal dan kemahiran berfikir di peringkat awal kajian itu.

Pasukan penyelidik itu menjalankan dua pusingan kajian susulan dengan peserta secara bergilir sepanjang tiga tahun, menerusi penilaian kognitif dan klinikal.

Ia mendapati peserta dengan kognitif normal yang hilang pendengaran adalah 2.3 kali lebih berkemungkinan menghidap masalah kognitif sederhana atau demensia.

Penyelidik utama kajian yang diterbitkan itu, Pakar Otolaringologi, Dr Rebecca Heywood, yang juga konsultan Telinga, Hidung dan Tekak (ENT), Pembedahan Kepala dan Tengku, di Hospital Besar Ng Teng Fong, berkata:

“Ini kajian penuaan berulang pertama di Singapura dan Asia yang menyokong bukti yang kian menunjukkan di serata dunia bahawa hilang pendengaran merupakan satu faktor berisiko bagi demensia.

“Berdasarkan jangkaan, hampir suku penduduk setempat akan berusia lebih 65 tahun pada 2030, dan insiden demensia dalam kalangan warga dewasa berusia 60 tahun ke atas kini pada kadar 10 peratus.

“Ia seolah-olah menunjukkan bahawa hilang pendengaran merupakan faktor risiko yang boleh diubah dan merawatnya mungkin memperlambatkan perkembangan masalah kognitif dan demensia.

“Jika begitu, terdapat potensi beban demensia ke atas keluarga, penjaga dan sistem jagaan kesihatan dikurangkan.”